

# UMS dipilih pusat sukan taekwando

» *Sasar lahirkan 30 peratus wakil negara dalam kejohanan dunia*

Oleh Mohd Izham Unnip Abdullah  
thaddius@bharian.com.my

► Kota Kinabalu

**K**ementerian Pengajian Tinggi menjadikan Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai pusat kecemerlangan sukan taekwando bagi membangun dan mencungkil lebih ramai bakat untuk diketengahkan ke peringkat antarabangsa.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Omar Abdul Rahman, berkata kementerian akan membantu UMS membangunkan kemudahan sukan berkenaan, melatih atlit baru dan sedia ada serta mengan-

jurkan kejohanan berkaitan.

Penghususan itu, katanya, antara usaha kementerian mewujudkan kepakaran universiti dalam sesuatu jenis sukan selaras sasaran melahirkan 30 peratus atlit dari pusat pengajian tinggi mewakili negara dalam kejohanan antarabangsa menjelang 2015, berbanding hanya 25 peratus ketika ini.

## Lahir atlit bertaraf dunia

"Pemilihan ini membolehkan UMS dibangunkan sebagai pusat tumpuan pembangunan sukan taekwando bagi melahirkan atlit yang boleh mewakili negara dalam kejohanan bertaraf dunia.

"Ia juga memudahkan atlit luar yang aktif dalam sukan berkenaan memilih universiti apabila melanjutkan pengajian," katanya selepas merasmikan Kejohanan Taekwando Universiti Asian Ketiga (AUTC) di kampus UMS di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor UMS, Prof Madya Da-



Omar (dua dari kanan), **menyampaikan cenderahati** kepada pengurus pasukan taekwando Malaysia selepas AUTC, di kampus UMS, Kota Kinabalu, semalam.

[FOTO EDMUND SAMUNTING/BH]

tuk Dr Kasim Md Mansur; Jurutaksir Persekutuan Sukan Universiti Asian (AUSF) Precha Prayoonpat dan Timbalan Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Dr Ahmad Naim Ismail.

Kejohanan itu dianjurkan bersama Kementerian Pengajian Tinggi dan UMS, Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM), AUSF dan Majlis Sukan Universiti ASEAN (AUSC).

Omar berkata, setiap universiti bakal memiliki penghususkan sukan masing-masing dengan golf di Universiti Malaya, ragbi (Universiti Kebangsaan Malaysia), bola sepak (Universiti Teknologi Mara) dan boling (Universiti Ma-

laysia Sarawak).

Sementara itu, beliau berkata, Kementerian Pengajian Tinggi menawarkan biasiswa khas kepada atlit sebagai galakan melanjutkan pengajian di mana-mana pusat pengajian tinggi.

"Ketika ini 170 orang sudah menerima biasiswa manakala 125 lagi ditawarkan tahun ini. Sasaran kita untuk menawarkan 400 biasiswa kepada pelajar yang aktif dalam sukan di seluruh negara," katanya.

Kejohanan AUTC di Dewan Canselor UMS disertai 100 peserta dari Malaysia, China, Kazakhstan, Mongolia, Nepal, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.